

Ucapan: ADHO
476
95/80
Nombor ini tidak
sama dgn senarai

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn semasa mengemukakan melalui Talivishen Malaysia sebuah risalah yang bertajuk "Laporan Mengenai Pelaksanaan Shor2 Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960" pada 13.10.71 jam 9.40 malam

Tujuan saya berchakap kepada tuan2 dan puan2 sakalian ialah untuk mengemukakan risalah ini yang mana merupakan satu "Laporan Mengenai Pelaksanaan Shor2 Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960". Jawatankuasa ini lebih di-kenali sebagai Jawatankuasa Rahman Talib. Naskah2 risalah ini akan di-jual kepada orang ramai mulai daripada besok dan risalah ini ia-lah di-dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

Tujuan risalah ini ia-lah untuk menyemak setakat manakah pelaksanaan shor2 utama yang di-buat oleh Jawatankuasa Rahman Talib itu telah di-laksanakan.

Sa-hingga kita menchapai kemerdekaan negara kita tidak mempunyai dasar Pelajaran Kebangsaan. Dalam tahun 1956, satu Jawatankuasa Pelajaran dengan di-pengerusikan oleh Tun Abdul Razak ketika itu Menteri Pelajaran telah di-tubuhkan. Laporan-nya telah di-terima oleh Majlis Perundangan Persekutuan ketika itu ia-lah pada 16hb. Mei, 1956 dan shor2 yang di-buat di-dalam laporan itu telah di-jadikan undang2 sebagai Ordinan Pelajaran, 1957. Shor2-nya telah menyentoh hampir semua lapangan pelajaran dan telah di-jadikan batu asas dasar pelajaran kita sekarang ini. Sebarang ubahsuaian selanjut-nya telah memperkayakan lagi atau telah memenohi aspek2 tertentu dasar ini, tetapi dasar itu sendiri pada asas-nya tidak berubah.

Jawatankuasa Rahman Talib telah di-tubuhkan dalam tahun 1960 dengan tujuan untuk menyemak semula dasar pelajaran yang termaktub dalam Penyata Jawatankuasa Razak. Jawatankuasa Rahman Talib ini berpendapat bahawa Jawatankuasa Razak telah berjaya dalam mengadakan satu dasar pelajaran yang berchorak kebangsaan dalam erti sa-benar-nya, dan di-samping itu mengekalkan dan memelihara pelbagai kebudayaan negara ini. Jawatankuasa Rahman Talib juga telah membuat beberapa shor untuk memperbaiki lagi sukatan pelajaran kita. Laporan Jawatankuasa Rahman Talib telah di-luluskan oleh Parlimen pada 12hb. Ogos, 1960 dan shor2-nya telah di-jadikan undang2 ia-itu Akta Pelajaran, 1961. Oleh itu, nyata-lah Dasar Pelajaran negara kita ada-lah berdasarkan di-atas shor2 yang di-buat oleh Jawatankuasa2 Razak dan Rahman Talib.

Jawatankuasa Rahman Talib telah membuat beberapa shor penting. Shor2 itu meliputi banyak aspek pelajaran di-antaranya:

- (a) Pelajaran Rendah Perchuma Universal.
- (b) Pelajaran Rendah di-dalam Bahasa Kebangsaan.

- (c) Meneguhkan kedudukan Bahasa Kebangsaan di-dalam sistem pelajaran kita.
- (d) Sistem naik darjah chara otomatik.
- (e) Pelajaran Menengah vokeshenal dan teknikal.
- (f) Peperiksaan 'Am.
- (g) Pengajaran Ugama Islam untuk pelajar2 Islam.
- (h) Latchan guru.

Kementerian Pelajaran telah dengan jujur melaksanakan sistem Pelajaran Kebangsaan kita sebagai chontoh shor2 mengenai "Pelajaran Rendah di-dalam Bahasa Kebangsaan" dan "Meneguhkan kedudukan Bahasa Kebangsaan di-dalam sistem pelajaran kita".

Mengenai "Pelajaran Rendah di-dalam Bahasa Kebangsaan":-

- (a) sejak tahun 1962 Bahasa Kebangsaan telah di-jadikan satu mata pelajaran yang wajib di-sekolah2 rendah bahasa pengantar Inggeris, bahasa pengantar China dan bahasa penghantar Tamil.
- (b) Dalam tahun 1961, satu perchubaan telah di-buat untuk di-adakan aliran2 Bahasa Kebangsaan dalam Sekolah2 Rendah aliran Inggeris. Oleh kerana sambutan2-nya tidak memuaskan, rancangan itu telah di-batalkan.
- (c) Sejak tahun 1968, langkah2 telah di-ambil untuk mengubah perlahan2 sekolah2 rendah aliran Inggeris kepada Sekolah2 rendah aliran Bahasa Kebangsaan. Semenjak 1968, empat mata pelajaran ia-itu pelajaran jasmani dan kesihatan, musik, senilukis dan pertukangan dan pengajian tempatan telah di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan di-Darjah Satu, Dua dan Tiga. Semenjak tahun 1969, tatarakyat telah di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan di-Darjah Empat. Semenjak tahun 1970, dua mata pelajaran lagi ia-itu Ilmu Alam dan Tawarikh telah di-ajar dalam bahasa Kebangsaan di-Darjah Empat. Semenjak tahun 1970, semua mata pelajaran di-Darjah Satu termasuk sains dan ilmu hisab telah di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan. Menjelang tahun 1975, proses perubahan sekolah2 rendah jenis Kebangsaan Inggeris menjadi Sekolah2 Kebangsaan akan siap.

Mengenai "Meneguhkan kedudukan Bahasa Kebangsaan di-dalam sistem pelajaran kita":-

- (a) Sejak tahun 1962, kelulusan di-dalam Bahasa Kebangsaan telah di-wajibkan di-dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (LCE).
- (b) Sejak tahun 1962, langkah2 telah di-ambil untuk menambah bilangan guru2 yang terlatch di-sekolah2 menengah Kebangsaan dan guru2 khas Bahasa Kebangsaan untuk semua sekolah2 rendah.
- (c) Sejak tahun 1966, kelas2 peralehan telah di-tubuhkan di-sekolah2 menengah kebangsaan untuk murid2 dari sekolah2 rendah pengantar Inggeris,

pengantar China dan pengantar Tamil. Menjelang tahun 1975, kelas2 peralehan pengantar Inggeris akan di-hapuskan dan akan hanya wujud kelas2 peralehan dalam Bahasa Kebangsaan.

- (d) Menjelang 1978, pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran (LCE) yang di-jalankan dalam Bahasa Pengantar Inggeris akan di-hapuskan. Mulai dari tahun itu, semua penuntut2 Tingkatan III akan mengambil pepereksaan ini dalam Bahasa Kebangsaan bagi semua mata pelajaran.
- (e) Dalam tahun 1970, Pepereksaan Cambridge Overseas School Certificate telah di-hapuskan. Sejak tahun lepas, semua penuntut2 kena-lah mengambil pepereksaan, Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) di-mana kelulusan di-dalam Bahasa Kebangsaan adalah di-wajibkan. Menjelang tahun 1980, pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) dalam Bahasa pengantar Inggeris akan di-hapuskan, dan semua penuntut2 Tingkatan V akan mengambil pepereksaan ini dalam Bahasa Kebangsaan bagi semua mata pelajaran.
- (f) Menjelang tahun 1982, pepereksaan Sijil Tinggi Pelajaran (HSC) dalam Bahasa Pengantar Inggeris akan di-hapuskan. Penuntut2 Tingkatan VI akan mengambil pepereksaan Sijil Tinggi Pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan bagi semua mata pelajaran.
- (g) Menjelang tahun 1983, semua kursus tahun pertama dalam semua Universiti kita akan di-jalankan dalam Bahasa Kebangsaan.

Jawatankuasa2 Razak dan Rahman Talib telah juga menegaskan betapa penting-nya Bahasa Inggeris. Oleh itu, Bahasa Inggeris di-jadikan sebagai bahasa kedua dalam sistem pelajaran kita.

Jawatankuasa2 Razak dan Rahman Talib telah juga menegaskan betapa perlu-nya untuk memelihara dan memperbaiki mutu sukatan pelajaran kita. Kementerian Pelajaran setakat ini telah berjaya menchapai tujuan ini walaupun terdapat banyak kesulitan2 yang terpaksa di-hadapi, yang mana setengah daripada kesulitan2 itu tidak dapat di-elakkan dan ini ada-lah satu perkara biasa kepada sa-buah negara yang muda dan membangun seperti negara kita ini. Meskipun demikian, pada tahun2 yang lepas semenjak negeri kita menchapai kemerdekaan dalam tahun 1957, kita telah berjaya memperkembangkan satu sistem pelajaran yang modern dan dinamik dalam mana pelajaran menengah yang berchorak anika jurusan, pelajaran sains dan pelajaran teknikal dan vokeshenal di-beri keutamaan.

Akhir sekali saya perchaya tuan2 dan puan2 semua akan mengkaji dengan teliti risalah ini bukan sahaja untuk mengetahui apa yang telah di-lakukan oleh Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan dasar pelajaran negara kita, tetapi juga untuk membantu Kementerian Pelajaran dalam usaha2-nya yang tidak habis2 untuk memperbaiki lagi sistem pelajaran negara kita dengan memberi pandangan2, ulasan2 dan chadangan2 tuan2 dan puan2 semua.



No. Siri	77
No Penerimaan	77/80